

## PERATURAN UKUR KADASTER 2002

### BAB I PERMULAAN

#### 1. Tajuk kecil.

Peraturan-peraturan ini dinamakan Peraturan Ukur Kadaster 2002, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

#### 2. Pemakaian.

- (1) Peraturan-peraturan ini adalah terpakai di semua Negeri di Malaysia Barat dan Wilayah-wilayah Persekutuan di Malaysia.
- (2) Peraturan-peraturan ini juga hendaklah dikuatkuasakan ke atas Juruukur Tanah Berlesen yang diberi lesen untuk menjalankan amalan ukur kadaster oleh Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) atau Akta berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

#### 3. Mula berkuatkuasa.

Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuatkuasa di semua Negeri di Malaysia Barat dan Wilayah-wilayah Persekutuan mengikut tarikh berkuatkuasanya Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 3/2002.

#### 4. Tafsiran.

Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"abutal" bermakna sebahagian garisan sempadan lot bersebelahan dengan lot yang diukur;

"azimut" bermakna arah garisan diukur berasaskan sudut ufuk dari arah utara benar mengikut pusingan jam;

"bearing" bermakna arah garisan diukur berasaskan sudut ufuk dari arah utara grid mengikut pusinganjam;

"bearing akui" bermakna bearing yang diterima sebagai bearing asas bagi menentukan bearing untuk lain-lain garisan;

"GPS" bermakna 'Global Positioning System' atau Sistem Penentuan kedudukan Sejagat iaitu sistem yang menggunakan satelit untuk menentukan kedudukan dan mendapatkan koordinat sesuatu titik di atas tanah;

"Jabatan" bermakna Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM);

"jilid kiraan" bermakna rekod hasil hitungan bagi ukuran lot kadaster;

"Juruukur Tanah Berlesen" bermakna seseorang juruukur tanah berlesen untuk amalan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) atau Akta berkaitan yang sedang berkuatkuasa;

"Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan" bermakna pegawai yang pada masa itu menjalankan tugas-tugas Ketua Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia;

"koordinat" bermakna nilai grid untuk mentakrifkan kedudukan tanda titik di atas tanah mengikut sistem yang digunakan oleh Jabatan;

"Lembaga" bermakna Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) atau Akta berkaitan yang sedang berkuatkuasa;

"media storan" bermakna sebarang alat atau media yang dibenarkan oleh Jabatan untuk digunakan bagi menyimpan data elektronik;

"nombor lot" bermakna nombor yang diperuntukkan kepada sesuatu petak tanah oleh Pengarah Ukur seperti mana dikehendaki di bawah seksyen 396(1)(d), Kanun Tanah Negara 1965;

"nombor petak strata" bermakna nombor yang diperuntukkan kepada sesuatu petak dalam sesuatu skim strata seperti mana dikehendaki di bawah Akta Hakmilik Strata 1985;

"nombor lot stratum" bermakna nombor yang diperuntukkan kepada sesuatu lapisan segipadu ruang tanah bawah tanah oleh Pengarah Ukur seperti mana dikehendaki di bawah seksyen 396(1)(d), Perintah Kanun Tanah Negara (Diubahsuai) 1997;

"Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK)" bermakna pangkalan data ukur digital yang berkaitan dengan lot tanah;

"Pegawai Ukur" bermakna Pengarah Ukur atau mana-mana Pegawai Ukur yang dilantik di bawah seksyen 12, Kanun Tanah Negara 1965;

"Pekeliling" bermakna mana-mana pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan yang dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan ini dan lain-lain peraturan terdahulu darinya;

"Pelan" bermakna sesuatu pelan untuk diluluskan oleh Pengarah Ukur sama ada dalam bentuk salinan cetak atau digital;

"Pelan Akui" bermakna pelan berkaitan tanah yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan dan diluluskan oleh Pengarah Ukur, termasuklah Pelan Akui Strata dan Pelan Akui Stratum;

"Pelan Akui Strata" bermakna pelan strata yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan dan diluluskan oleh Pengarah Ukur;

"Pelan Akui Stratum" bermakna pelan stratum yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan dan diluluskan oleh Pengarah Ukur;

"Pelan Pelbagai" bermakna suatu pelan selain daripada Pelan Akui, Pelan Warta, Pelan Akui Strata dan Pelan Akui Stratum yang disediakan bagi sesuatu tujuan yang tertentu dan diluluskan oleh Pengarah Ukur;

"Pelan pra-hitungan" bermakna suatu pelan susunatur lot-lot yang menunjukkan cadangan sempadan-sempadan baru dan keluasan lot-lot berkenaan yang berasaskan pengiraan dari data ukur yang ada dan data relevan yang lain, di mana tikaian lurus hitungan adalah tidak kurang dari satu bahagian dalam empat ribu;

"Pelan Kawalan Ukur Kadaster" bermakna suatu pelan yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan, bagi tujuan menunjukkan tanda dan koordinat stesen kawalan ukur kadaster dan diluluskan oleh Pengarah Ukur;

"Pelan Warta" bermakna suatu pelan yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan bagi tujuan mewartakan sesuatu kawasan atau tempat sebagaimana diperlukan di bawah undang-undang bertulis dan diluluskan oleh Pengarah Ukur;

"Pengarah Ukur" bermakna Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri-negeri di Malaysia Barat dan Wilayah-wilayah Persekutuan termasuk Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan yang dilantik di bawah seksyen 12, Kanun Tanah Negara 1965;

"Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK)" bermakna keseluruhan proses pengumpulan, prosesan, kawalan kualiti, pengemaskinian dan pengurusan data Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) dan Sistem Pengurusan Imej Dokumen (SPID) yang dikendalikan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

"Sistem Pengurusan Imej Dokumen (SPID)" bermakna sistem pengendalian dan pengurusan pangkalan data yang mengandungi imej imbasan kesemua Pelan-pelan Akui di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

"strata" bermakna lapisan petak dalam bangunan yang dipecah-bahagi;

"stratum" bermakna lapisan segipadu bagi ruang tanah bawah tanah;

"tentukuran" bermakna ujian peralatan ukur yang dijalankan bagi memperolehi perbezaan nilai bacaan alat yang diuji dengan nilai piawai;

"utara grid" bermakna arah utara yang selari dengan grid tegak dirujuk kepada sesuatu peta kadaster;

"ukuran kadaster" bermakna kerja ukur yang dijalankan bagi tujuan pendaftaran hakmilik, pewartaan, penandaan sempadan, pengesahan sempadan dan lain-lain yang berkaitan dengan pentadbiran tanah.

**BAB II**  
**PERUNTUKAN AM**

**5. Ukuran hakmilik.**

Bagi maksud Peraturan ini, ukuran hakmilik meliputi mana-mana kerja ukur hakmilik tanah, strata dan stratum yang diwajibkan oleh undang-undang bertulis yang berhubung kait dengan pendaftaran sesuatu hakmilik bagi pelupusan tanah, pecah sempadan, pecah bahagian dan cantuman termasuk —

- (a) menanda, mengganti, menanam pastian dan mengesahkan tanda-tanda sempadan di mana perlu;
- (b) merekodkan data ukuran;
- (c) menyediakan hitungan; dan
- (d) menyediakan Pelan Akui.

**6. Hitungan.**

Tujuan membuat hitungan adalah untuk —

- (a) menguji ketepatan dan kesempurnaan kerja ukuran;
- (b) mengira bearing dan jarak bagi garisan sempadan dan garisan sambungan;
- (c) menentukan keluasan lot atau petak, segipadu stratum yang diukur; dan
- (d) mengira koordinat.

**7. Pelarasan tikaian.**

Kaedah bagi pelarasan tikaian sudut dan tikaian lurus hendaklah berdasarkan kepada kaedah yang sistematik yang dibenarkan oleh Jabatan.

**8. Pindaan data ukur.**

- (1) Sebarang pindaan bagi membuat pembetulan data cerapan adalah ditegah sama sekali. Data cerapan yang silap hendaklah dicerap semula.
- (2) Sebarang pembetulan maklumat pada pelan hendaklah dibuat mengikut prosedur seperti berikut:
  - (a) bagi pelan yang disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen, pembetulan maklumat hendaklah dibuat dengan menggantikannya dengan yang betul dan disahkan oleh Juruukur Tanah Berlesen berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pengarah Ukur; dan
  - (b) bagi pelan yang disediakan oleh Jabatan, pembetulan maklumat hendaklah dibuat dengan menggantikannya dengan yang betul dan disahkan oleh Pengarah Ukur.

**9. Laporan kesilapan pengukuran.**

Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah menyediakan laporan dan mengemukakannya kepada Pengarah Ukur untuk siasatan lanjut, apabila didapati sesuatu kesilapan dalam ukuran yang terdahulu itu menjejaskan ketepatan ukuran yang dijalankannya.

**10. Pertikaian sempadan.**

Sebarang pertikaian sempadan hendaklah dilaporkan oleh Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen secara bertulis kepada Pengarah Ukur.

**11. Media storan.**

Semua data cerapan dan data yang telah diproses hendaklah disimpan di dalam media storan yang ditetapkan oleh Jabatan dan dibackup mengikut peraturan 16.

**12. Sijil perakuan pada Pelan Akui.**

Setiap Pelan Akui yang dikemukakan oleh Juruukur Tanah Berlesen hendaklah mengandungi satu sijil perakuan yang berkaitan mengikut Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 atau peraturan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

**13. Penyediaan Pelan Akui dan pelan-pelan lain.**

Penyediaan Pelan Akui, Pelan Kawalan Ukur Kadaster, Pelan Warta dan Pelan Pelbagai hendaklah dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan.

**14. Penyimpanan Pelan Akui dan pelan-pelan lain.**

- (1) Pelan Akui, Pelan Kawalan Ukur Kadaster, Pelan Warta dan Pelan Pelbagai hendaklah disimpan dalam bilik kebal dan dari semasa ke semasa diperiksa bagi mengesan sebarang kerosakan.
- (2) Semua Pelan Akui yang dihasilkan hendaklah dikemaskini ke dalam pangkalan data SPID dan PDUK.

**15. Membawa keluar Pelan Akui dari premis.**

Pelan Akui adalah dilarang dibawa keluar dari premis Jabatan, kecuali bagi memenuhi kehendak perintah mahkamah atau atas kebenaran Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan. Bagi lain-lain tujuan atau maksud, hanya salinan Pelan Akui yang disahkan sahaja akan dibekalkan.

**16. Backup data.**

Semua data ukur berdigit termasuk data cerapan, data jilid kiraan, data Pelan Akui dan data yang tersimpan dalam PDUK hendaklah dibackup mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan.

**17. Keperluan pelan pra-hitungan.**

Pelan pra-hitungan adalah diperlukan untuk sesuatu permohonan pecah sempadan, pecah bahagian, penyatuan serta serahbalik dan bermilik semula tanah sama ada di bawah pegangan hakmilik kekal atau hakmilik sementara.

**18. Penggunaan Sistem Penentududukan Sejagat (GPS).**

- (1) GPS boleh digunakan untuk pengukuran kawalan ukur kadaster dan ukuran hakmilik tanah.
- (2) Pengukuran menggunakan GPS hendaklah dibuat mengikut kaedah dan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan.

**19. Kawalan ukur kadaster.**

- (1) Selain daripada mewujudkan tanda-tanda yang baru, tanda-tanda sempadan sedia ada boleh digunakan untuk mewujudkan Rangkaian Kawalan Ukur Kadaster.
- (2) Tanda-tanda ini bolehlah dipilih bagi membentuk stesen-stesen rangkaian tersebut mengikut sela yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (3) Cerapan GPS dan prosesan data hendaklah dijalankan bagi setiap stesen mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (4) Bagi kawasan yang tidak membolehkan penggunaan teknik GPS, ukuran terabas bolehlah digunakan bagi menubuhkan Rangkaian Kawalan Ukur Kadaster.
- (5) Rangkaian terabas piawai yang telah ditubuhkan untuk membekalkan kawalan ukur kadaster boleh digunakan untuk membentuk sebahagian dari Rangkaian Kawalan Ukur Kadaster.
- (6) Apabila terdapat stesen Rangkaian Kawalan Ukur Kadaster yang berkeadaan baik berhampiran lokasi kerja, ukuran ikatan ke stesen tersebut hendaklah dilakukan.

**20. Maklumat dalam Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK).**

Pangkalan data ukur kadaster hendaklah mengandungi maklumat lot termasuk bearing, jarak, nombor lot, keluasan, koordinat, tanda sempadan, kod pentadbiran dan lain-lain maklumat yang ditetapkan oleh Jabatan.

**21. Tentukuran alat.**

- (1) Dalam menjalankan kerja ukuran, Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah memastikan alat-alat ukur yang digunakan dibuat tentukuran mengikut prosedur dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (2) Hasil tentukuran alat-alat hendaklah disahkan oleh Pengarah Ukur atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah Ukur dan disimpan sebagai rekod.

**22. Menjaga kepentingan Kerajaan.**

Setiap Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen berkewajipan memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara semasa menjalankan kerja-kerja ukuran.

**BAB III**  
**PENGUKURAN**

**23. Rekod cerapan.**

- (1) Cerapan yang dilakukan di lapangan akan direkod dalam buku kerjalar atau media elektronik yang diluluskan oleh Jabatan.
- (2) Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah menyediakan pembukuan yang tepat, lengkap dan jelas mengandungi maklumat tambahan dan silang-rujukan di mana perlu bagi menghasilkan pelan yang lengkap lagi tepat.
- (3) Rekod cerapan hendaklah menunjukkan —
  - (a) nama Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen;
  - (b) cerapan yang diperoleh terus dari lapangan dan nilai pelarasan mengikut peraturan 40 dan 41; dan
  - (c) lain-lain maklumat yang diperlukan oleh Jabatan.
- (4) Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah menurunkan tandatangan atau menandatangani secara digital setiap muka surat rekod cerapan serta merekodkan tarikh cerapan tersebut.

**24. Datum.**

- (1) Setiap ukuran kadaster hendaklah berasaskan kepada datum yang memuaskan yang terdiri daripada—
  - (a) dua tanda bersebelahan dari ukuran terdahulu, yang mana kedudukan asal tanda-tanda tersebut telah dibuktikan dengan ukuran terus atau terabas dan hitungan, berserta dengan cerapan astronomi untuk azimut; atau
  - (b) tiga tanda ukuran terdahulu, dua daripadanya bersebelahan, yang dibuktikan dengan ukuran sudut dan jarak atau dengan terabas dan hitungan, berada dalam kedudukan asal.

- (2) Selain itu, datum boleh juga ditentukan dengan menggunakan cerapan GPS mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan.

**25. Bearing akui.**

Satu garisan di dalam ukuran terabas tertutup, atau disambungkan kepada terabas tertutup dengan cerapan berasingan serta dibuktikan mempunyai bearing yang betul secara cerapan astronomi atau bandingan dengan nilai asal, boleh diterima pakai sebagai bearing akui.

**26. Kawalan bearing.**

- (1) Semua bearing hendaklah ditutup pada setiap sela yang sesuai, yang tidak melebihi 25 stesen, sama ada pada tanda-tanda lama yang dibuktikan dalam kedudukan asal atau pada suatu garisan baru yang mana bearingnya telah ditentukan dengan cerapan astronomi.
- (2) Walau apa-apa pun yang dinyatakan dalam peraturan kecil (1), bagi keadaan tertentu Pengarah Ukur boleh menggunakan budi bicaranya menentukan sela yang sesuai bagi sesuatu tutupan bearing.
- (3) Jarak garisan yang digunakan untuk membawa bearing ke hadapan hendaklah bersesuaian dengan keperluan menjamin kejituan cerapan bearing.

**27. Pengukuran sempadan.**

- (1) Seboleh-bolehnya sempadan hendaklah diukur secara terus.
- (2) Setiap tanda sempadan hendaklah merupakan stesen alat di dalam terabas tertutup. Bagi tanda sempadan yang kedudukannya berada di luar terabas tertutup, kedudukannya hendaklah ditentukan seperti berikut:
  - (a) ukuran semak sudut dibuat secara berasingan berdasarkan rujukan bearing yang berlainan; dan
  - (b) semakan jarak dibuat secara berasingan dengan menggunakan kaedah ukuran jarak yang berlainan.

**28. Ukuran ofset.**

Ukuran ofset, di mana perlu, hendaklah dibuat untuk membolehkan butiran kekal ditunjukkan di atas Pelan Akui bagi perkara-perkara berikut:

- (a) laluan yang sedia ada di atas tanah bagi pengwujudan hak lalulalang di bawah peraturan 50;
- (b) halangan yang berdekatan dengan tanda rujukan bagi posisi tiada tanda;
- (c) sebarang bangunan atau binaan kekal yang terletak di atas garisan sempadan; dan
- (d) sebarang butiran kekal termasuk sungai, tasik, laluan sistem pengangkutan dan menara bekalan tenaga elektrik yang terdapat berhampiran dengan garisan ukuran.

**29. Tanam pastian.**

Tanda-tanda sempadan yang hilang atau berganjak melebihi had yang dibenarkan berbanding ukuran terdahulu seperti mana diperuntukkan di bawah peraturan 43 hendaklah dibuat tanam pastian.

**30. Jarak antara tanda sempadan.**

- (1) Tanda-tanda di atas sempadan lurus hendaklah ditanam pada sela yang tidak melebihi 300 meter jika tanda-tanda tersebut saling nampak atau pada sela tidak melebihi 200 meter jika tidak saling nampak.
- (2) Garisan-garisan sempadan mengikut lengkung hendaklah ditandakan di hujung perentas supaya jarak normal dari lengkung tersebut ke garisan perentas tidak melebihi 0.2 meter.

**31. Garisan sambungan.**

- (1) Garisan sambungan hendaklah dalam bentuk terabas tertutup atau sebahagian terabas tertutup. Bagi garisan sambungan yang tidak dalam bentuk terabas tertutup atau sebahagian terabas tertutup, garisan tersebut hendaklah disemak sebagaimana berikut:
  - (a) ukuran jarak dan bearing hendaklah dibuat secara berasingan serta dalam arah bertentangan; atau
  - (b) ukuran bearing hendaklah dibuat dengan disahkan secara cerapan astronomi di garisan terakhir. Semakan jarak hendaklah dibuat dalam arah bertentangan.
  
- (2) Ukuran sambungan hendaklah dijalankan mengikut syarat-syarat berikut:
  - (a) ukuran sambungan melintasi simpanan jalan tidak diperlukan bagi sempadan lama dalam bandar atau pekan. Sebaliknya bagi sempadan baru sekurang-kurangnya satu sambungan melintasi simpanan jalan diperlukan dalam jarak tidak lebih daripada 300 meter;
  - (b) bagi tanah desa, ukuran sambungan diperlukan bagi sempadan lama dan sempadan baru jika tiada sambungan melintasi simpanan jalan di dalam lingkungan 500 meter; dan
  - (c) ukuran sambungan melintasi sungai tidak diperlukan bagi sempadan lama. Bagi sempadan baru, sambungan perlu dibuat pada sela tidak melebihi 1 kilometer bagi sungai yang lebar kurang 20 meter, dan pada sela tidak melebihi 2 kilometer bagi sungai yang lebar melebihi 20 meter tetapi kurang dari 40 meter. Bagi sungai yang lebarnya melebihi 40 meter, ukuran sambungan tidak diperlukan tetapi sambungan kepada lot lama di seberang sungai hendaklah ditunjukkan melalui cara hitungan.

**32. Ukuran bingkai.**

- (1) Bagi blok rumah kedai dan rumah teres bilamana perlu, ukuran bingkai hendaklah dibuat mengelilingi dan berkeadaan selari dengan sempadan blok tersebut. Bingkai hendaklah seberapa yang boleh, selebar 2 meter daripada garisan sempadan.
- (2) Sudut bingkai hendaklah ditanda dengan paip atau jenis tanda yang sesuai ditanam dalam konkrit.

**33. Simpanan jalan.**

- (1) Kecuali terdapat arahan sebaliknya, simpanan jalan hendaklah diukur supaya kedua-dua garisan sempadan adalah selari.
- (2) Ukuran simpanan bagi jalan baru melalui tanah kerajaan hendaklah mengambil kira keperluan untuk memasukkan tambahan, potongan dan lain-lain binaan yang berkaitan ke dalam simpanan jalan.

**34. Ukuran semula.**

- (1) Ukuran semula tidak perlu jika ukuran terdahulunya mengikut peraturan Jabatan dan tanda-tanda sempadan telah disahkan dalam kedudukan baik oleh Pegawai Penempatan.
- (2) Dalam kes pecah sempadan, pecah bahagian, serahan atau pengambilan balik, ukuran semula hendaklah tertumpu kepada sempadan-sempadan yang terlibat manakala garisan-garisan sempadan lain adalah bagi tujuan datum dan tutupan sahaja.
- (3) Kecuali diminta sebaliknya, maka ukuran bahagian lot yang terlibat dengan pengambilan balik di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, terhad kepada baki lot itu sahaja, yang mana perlu dijalankan mengikut peraturan kecil (2).
- (4) (a) Dalam kes ukuran semula bagi sempadan bentuk semulajadi, sempadan sedemikian hendaklah diukur dengan garisan lurus seberapa hampir yang boleh kepada bentuk semulajadi itu bilamana—

- (i) sungai mara ke dalam lot hingga melepasi garisan terabas sedia ada; dan
  - (ii) sungai mara ke dalam lot menyebabkan lot terbahagi dua atau lebih.
- (b) Dalam kes ukuran semula bagi sempadan bentuk semulajadi di mana sungai atau laut mundur keluar lot, sempadan yang sedemikian hendaklah diukur mengikut garisan terabas yang dahulunya digunakan bagi tujuan menetapkan sempadan bentuk semulajadi tersebut. Di mana terdapat apa-apa topangan, tembok atau lain-lain binaan yang telah dibina dengan sah, ukuran sempadan bolehlah dilakukan dengan memasukkan binaan berkenaan selagi luasannya tidak keterlaluan melebihi keluasan yang dinyatakan di atas dokumen hakmilik.
- (5) Kecuali bagi kes ukuran semula untuk sempadan bentuk semulajadi, jika nilai ukuran berada dalam had yang dibenarkan berbanding nilai ukuran asalnya maka ukuran terdahulu itu bolehlah diterima dengan mengenakan anotasi mengikut peraturan 51.

### **35. Ukuran hak lalulalang.**

Pengukuran hak lalulalang hendaklah dijalankan dengan cara berikut:

- (1) Bagi laluan yang sedia wujud, tanda-tanda sempadan hanya ditanam pada lengkok laluan sebagai stesen terabas dan ofset kepada laluan yang secukupnya hendaklah diambil daripada stesen-stesen tersebut.
- (2) Bagi laluan cadangan, tanda-tanda sempadan ditanam pada setiap lengkok laluan tersebut dan ukuran hanya dijalankan bagi satu sisinya sahaja.

**36. Ukuran strata.**

Di dalam menjalankan kerja pengukuran dan penyediaan hakmilik strata, setiap peraturan yang ditetapkan melalui Akta Hakmilik Strata 1985, yang merangkumi perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi—

- (a) ukuran semula sempadan-sempadan lot;
- (b) ukuran untuk menentukan kedudukan bangunan-bangunan dan blok-blok sementara;
- (c) ukuran untuk menentukan ketinggian tiap-tiap tingkat;
- (d) ukuran dimensi mendatar petak, petak aksesori dan harta bersama; dan
- (e) ukuran petak yang serupa dalam lantai yang sama.

**37. Ukuran stratum.**

Di dalam menjalankan kerja pengukuran dan penyediaan hakmilik stratum, setiap peraturan yang ditetapkan melalui Bahagian Lima (A), Kanun Tanah Negara 1965, yang merangkumi perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi —

- (a) ukuran lokasi;
- (b) ukuran kawalan tegak; dan
- (c) ukuran pemindahan datum.

**38. Amalan pengukuran terbaik.**

Apabila sesuatu perkara itu tidak dinyatakan secara khusus di dalam Peraturan ini, pelaksanaan ukur kadaster hendaklah mengikut prinsip amalan pengukuran terbaik.

## **BAB IV**

### **KETEPATAN, HAD TERIMA, TUTUPAN DAN KELUASAN**

#### **39. Tikaian maksimum.**

- (1) Tikaian maksimum yang dibenarkan dalam ukuran kadaster adalah sebagaimana berikut:
  - (a) 10" setiap stesen dengan perbezaan terkumpul maksimum 01' 15" semasa menutup bearing;
  - (b) tikaian lurus ialah —
    - (i) 1 dalam 8000 bagi keseluruhan ukuran baru; atau
    - (ii) tidak kurang daripada 1 dalam 4000 bagi ukuran minimum dengan penggunaan nilai-nilai sempadan lot yang disusun sebahagiannya atau kesemuanya daripada Pelan-pelan Akui, bilamana tikaian lurusnya tidak dapat dicapai disebabkan oleh tikaian lurus dari ukuran lama yang kurang memuaskan.
  - (c) bagi ukuran GPS tikaian yang dibenarkan untuk sesuatu garisan adalah tidak melebihi 10 mm atau ketepatan relatif yang tidak melebihi daripada  $(a + bL)$  mm di mana  $a = 5$  mm,  $b = 2$  ppm dan  $L$  adalah jarak garisan asas dalam kilometer; dan
  - (d) tikaian bagi ukuran aras stratum hendaklah tidak lebih daripada  $0.012 \sqrt{K}$  meter, di mana "K" adalah jumlah jarak dalam kilometer.
- (2) Tiada apa-apa dalam Peraturan ini yang menghalang Pengarah Ukur daripada menggunakan budibicaranya untuk menerima ukuran yang tikaianya tidak menepati kehendak di atas dengan alasan yang munasabah.

#### **40. Cerapan bearing dan sudut.**

- (1) Bearing dan sudut mendatar bagi semua jenis ukuran bolehlah dibaca dan direkodkan kepada saat terhampir.
- (2) Pembetulan bagi tikaian sudut hendaklah diagihkan sama rata di antara stesen yang diduduki dalam terabas tertutup.

- (3) Setiap bearing hendaklah dikira kepada saat terhampir dan direkodkan sebagai bearing muktamad serta ditunjukkan di atas Pelan Akui kepada 10" terhampir.

**41. Cerapan jarak.**

- (1) Cerapan jarak bagi semua jenis ukuran hendaklah direkodkan kepada 0.001 meter terhampir, kecuali bagi ukuran hakmilik strata, direkodkan kepada 0.01 meter terhampir.
- (2) Jarak muktamad ukuran hakmilik tanah hendaklah dilaras dan ditunjukkan di atas Pelan Akui pada 0.001 meter terhampir.
- (3) Jarak muktamad ukuran strata hendaklah dicatatkan kepada 0.01 meter dan ditunjukkan di atas Pelan Akui Strata pada 0.1 meter terhampir.
- (4) Jarak muktamad ukuran stratum hendaklah dilaras dan ditunjukkan di atas Pelan Akui Stratum seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (5) Bagi ukuran di kawasan tinggi dan garisan panjang, pembetulan bagi nilai ketinggian atas aras laut min, pembiasan dan kelengkungan bumi hendaklah dihitung kepada 0.001 meter terhampir.

**42. Ketepatan koordinat.**

Koordinat bagi setiap titik hendaklah dihitung dan ditunjukkan atas jilid kiraan dan Pelan Akui kepada 0.001 meter terhampir.

**43. Anjakan sempadan dan tanda sempadan.**

- (1) Perbandingan dengan nilai ukuran asal hendaklah dibuat bagi memastikan bahawa tiada pertindihan garisan sempadan berlaku dan tanda-tanda sempadan lama yang digunakan bagi ukuran itu tidak berganjak dengan ketara dari kedudukan asalnya.

- (2) Penentuan anjakan sempadan adalah seperti berikut  $\frac{3}{4}$ 
  - (a) bagi garisan yang tidak melebihi 40 meter, bearing 01' dan jarak 0.015 meter; dan
  - (b) bagi garisan yang melebihi 40 meter, bearing 30" dan jarak 0.006 meter setiap 20 meter dengan anjakan maksimum 0.05 meter.
- (3) Kriteria tanam pastian adalah seperti berikut —
  - (a) bagi kawasan yang mana ukuran dahulunya kelas tiga dan ke bawah, kedudukan tanda sempadan adalah diterima sebagai dalam kedudukan asal kecuali jika terdapat perbezaan nilai ukuran yang ketara berbanding nilai asal;
  - (b) bagi kawasan luar bandar yang mana ukuran dahulunya kelas dua dan kawasan sawah padi, tanam pastian hanya perlu dibuat jika anjakannya melebihi 0.1 meter; dan
  - (c) bagi lain-lain kawasan, tanam pastian adalah perlu jika anjakannya melebihi 0.05 meter.

**44. Perbezaan luas yang dibenarkan.**

- (1) Dalam keadaan biasa, perbezaan luas ukuran yang dibenarkan berbanding keluasan yang diluluskan dalam Permintaan Ukur hendaklah  $\frac{3}{4}$ 
  - (a) tidak melebihi 5% bagi luas di bawah 40 hektar;
  - (b) tidak melebihi 2 hektar bagi luas antara 40 hektar dan 200 hektar; dan
  - (c) tidak melebihi 1% bagi luas melebihi 200 hektar.
- (2) Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Ukur apa-apa perbezaan antara luas diukur dengan luas yang diluluskan yang melebihi had, mengikut peraturan kecil (1). Jika terdapat perbezaan ketara antara keluasan tersebut, Pengarah Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah.

**45. Hitungan luas.**

- (1) Luas hendaklah dihitung kepada 0.1 meter persegi terhampir dan ditunjukkan dalam jilid kiraan dan semua rekod ukur seperti berikut:
  - (a) Jika luas ditunjuk dalam hektar—
    - (i) keluasan tidak melebihi 1 hektar ditunjuk kepada 0.0001 hektar terhampir;
    - (ii) keluasan melebihi 1 hektar dan tidak melebihi 10 hektar ditunjuk kepada 0.001 hektar terhampir; dan
    - (iii) keluasan melebihi 10 hektar ditunjuk kepada 0.01 hektar terhampir.
  - (b) Lot-lot yang tidak ditunjuk dalam hektar hendaklah ditunjuk dalam meter persegi dan digenapkan kepada meter persegi terhampir.
- (2) Keluasan hendaklah ditunjukkan dalam hektar bagi—
  - (a) lot-lot pertanian; dan
  - (b) lot-lot perumahan atau bangunan, perusahaan atau perindustrian dan lot-lot dalam bandar dan pekan yang lebih daripada 2 hektar.
- (3) Keluasan hendaklah ditunjukkan dalam meter persegi bagi lot-lot perumahan atau bangunan, perusahaan atau perindustrian dan lot-lot dalam bandar dan pekan yang kurang daripada 2 hektar.
- (4) Luas bagi petak strata hendaklah dihitung kepada 0.1 meter persegi dan ditunjukkan kepada meter persegi terhampir.
- (5) Segipadu bagi lot stratum hendaklah dihitung kepada 0.1 meter padu dan ditunjukkan kepada meter padu terhampir.

**BAB V**  
**BORANG, FORMAT PELAN DAN MAKLUMAT LAIN**

**46. Jilid kiraan.**

Saiz dan format jilid kiraan hendaklah menepati spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan.

**47. Pelan Akui.**

- (1) Pelan Akui hendaklah disediakan bagi setiap ukuran hakmilik tanah, ukuran strata dan ukuran stratum kecuali ukuran hak lalulalang.
- (2) Penyediaan Pelan Akui hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (3) Media, saiz, format, dan skala Pelan Akui hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (4)
  - (a) Mana-mana lot atau sebahagian lot yang tidak dapat diplot dalam jidar pelan hendaklah ditunjukkan dengan inset yang dilukis pada skala yang sesuai.
  - (b) Sebarang maklumat ukur bagi sesuatu lot atau sebahagian lot atau garisan sambungan yang tidak dapat ditunjukkan dengan jelas di atas Pelan Akui, hendaklah ditunjukkan dalam bentuk rajah pembesaran pada skala yang sesuai atau gambarajah tanpa skala, mengikut kesesuaian.
  - (c) Inset, pembesaran dan gambarajah hendaklah menunjukkan bearing dan jarak, nombor lot, luas, garisan sempadan, abutal dan skala, di mana sesuai.
- (5) Pelan Akui perlu disediakan untuk ukuran semula sekiranya:-
  - (a) ukuran melibatkan tanam pastian atau penggantian tanda sempadan;
  - (b) melibatkan naik taraf ukuran terdahulu;

- (c) ruang atas Pelan Akui asal tidak mencukupi bagi memasukkan maklumat-maklumat seperti diperlukan di bawah peraturan 51; atau
  - (d) ukuran melibatkan lot yang disempadani oleh sempadan semulajadi mengikut peraturan 34 (4).
- (6) Jika Pelan Akui asal tidak dapat dikesan atau tidak boleh dibaca, Pelan Akui baru hendaklah disediakan berdasarkan kepada maklumat dalam rekod ukur yang sedia ada.
- (7) (a) Satu pelan fahasat dalam bentuk Pelan Akui, yang menunjukkan sempadan fasa-fasa perlu disediakan bagi ukuran yang dijalankan mengikut fasa.
- (b) Jika sempadan fasa telah berubah, satu pelan fahasat baru perlu disediakan.
  - (c) Sempadan fasa hendaklah dilukis dengan garisan putus-putus.
- (8) (a) Pelan Akui hendaklah diplot berdasarkan kepada nilai koordinat.
- (b) Maklumat di atas Pelan Akui hendaklah disediakan mengikut ketetapan yang dibuat oleh Jabatan.

**48. Garisan sempadan dan sambungan.**

Setiap garisan sempadan hendaklah ditunjukkan dengan garisan malar manakala garisan sambungan dengan garisan putus-putus.

**49. Pindaan Pelan Akui.**

- (1) Pengarah Ukur hendaklah meminda Pelan Akui jika terdapat kesilapan atau ketinggalan, atau perubahan sempadan pentadbiran, mengikut peruntukan seksyen 396A (1), Kanun Tanah Negara 1965.
- (2) Setiap pindaan atau tambahan yang dibuat di atas Pelan Akui hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan.

- (3) Asas atau sebab pindaan atau tambahan di atas Pelan Akui di bawah peraturan kecil (1) hendaklah dicatatkan di dalam buku daftar pembetulan Pelan Akui.
- (4) Pelan Akui yang telah dipinda hendaklah diimbas semula dan imejnya dimasukkan ke dalam SPID bagi menggantikan imej yang dahulu.

**50. Hak lalulalang.**

Hak lalulalang hendaklah ditunjukkan di atas Pelan Akui seperti berikut:

- (1) Bagi laluan yang sedia wujud—
  - (a) garisan yang menghubungkan tanda-tanda sempadan hendaklah ditunjukkan sebagai garisan putus-putus; dan
  - (b) hak lalulalang yang dipersetujui hendaklah dilukis sebagai garisan putus-putus.
- (2) Bagi laluan cadangan—
  - (a) garisan antara tanda-tanda sempadan yang membentuk garisan sempadan hak lalulalang, hendaklah dilukis sebagai garisan putus-putus; dan
  - (b) sempadan hak lalulalang yang bertentangan hendaklah ditunjukkan mengikut skala, menepati lebar yang diperlukan. Garisan-garisan ini hendaklah dilukis selari dengan sempadan yang diukur, sebagai garisan putus-putus.

**51. Pelan Akui bagi ukuran semula.**

Sekiranya Pelan Akui tidak perlu disediakan bagi ukuran semula, satu anotasi hendaklah disediakan di atas Pelan Akui asal seperti berikut dan ditandatangani oleh Pengarah Ukur:

*"Sempadan lot ..... telah disahkan pada.....  
dalam fail....."*

*Pengarah Ukur dan Pemetaan"*

**52. Pelan Akui susunan.**

- (1) Jika Pelan Akui telah dilukis dengan kesemua nilai-nilai sempadan lot disusun daripada Pelan-Pelan Akui yang sedia ada, kenyataan "*Pelan disusun daripada P.A. ....*" hendaklah diganti di tempat kenyataan "*Diukur oleh .....*"
- (2) Jika Pelan Akui telah dilukis di mana sebahagian nilai sempadan lot disusun daripada Pelan-pelan Akui yang sedia ada dan sebahagiannya diukur, kenyataan "*Diukur oleh ..... dan disusun sebahagiannya daripada P.A. ....*" hendaklah diganti di tempat kenyataan "*Diukur oleh .....*".

**53. Maklumat pada Peta Kadaster.**

Peta Kadaster sekiranya boleh hendaklah menunjukkan —

- (a) sempadan daerah dan lain-lain sempadan pentadbiran yang diwujudkan mengikut kehendak undang-undang yang berkenaan;
- (b) maklumat lot yang merangkumi:-
  - (i) garisan sempadan dan tanda sempadan;
  - (ii) nombor lot;
  - (iii) nombor Pelan Akui;
  - (iv) luas lot; dan
- (c) lain-lain butiran mengikut keperluan semasa.

**54. Maklumat ukur bagi dokumen hakmilik.**

Maklumat ukur bagi dokumen hakmilik daftar dan dokumen hakmilik keluaran hendaklah disediakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan.

**55. Pajakan melombong.**

Salinan Pelan Akui bagi pajakan melombong hanya boleh disediakan setelah sijil melombong dikeluarkan.

**56. Embos.**

Setiap salinan pelan bagi dokumen hakmilik hendaklah mengandungi embos Jabatan kecuali salinan pelan dokumen hakmilik di bawah Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).

**57. Pindaan pelan hakmilik.**

Pengarah Ukur hendaklah memberitahu Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah mengenai apa-apa pindaan yang diperlukan ke atas pelan hakmilik akibat daripada perubahan atau tambahan maklumat kepada Pelan Akui yang telah diluluskan, yang dibuat mengikut peraturan 49.

**58. Penyediaan hakmilik gantian.**

- (1) Dokumen hakmilik gantian hendaklah disediakan mengikut peruntukan seksyen 166, Kanun Tanah Negara 1965.
- (2) Sebelum dokumen hakmilik gantian disediakan, Pengarah Ukur hendaklah memastikan bahawa Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah telah memberi bukti yang cukup bahawa dokumen hakmilik asal telah—
  - (a) dibatalkan;
  - (b) hilang;
  - (c) musnah keseluruhan atau sebahagiannya; atau
  - (d) penuh.

**59. Penyediaan pelan-pelan lain.**

Penyediaan lain-lain jenis pelan hendaklah disediakan mengikut garis panduan Jabatan.

**BAB VI**  
**PENOMBORAN**

**60. Nombor lot.**

- (1) Satu siri nombor lot sahaja hendaklah diperuntukkan bagi setiap Mukim, Bandar atau Pekan termasuk Seksyen, jika ada.
- (2) Nombor lot hendaklah dikeluarkan menurut susunan siri menaik.
- (3) Sesuatu nombor lot yang telah dikeluarkan tidak boleh digunakan lagi.
- (4) Bagi Mukim, Bandar, Pekan dan Seksyen yang baru diwujudkan, siri nombor lot baru hendaklah diperuntukkan dan dibuat rujuk silang kepada semua rekod ukur yang terlibat termasuk dokumen-dokumen hakmilik.
- (5) Apabila sempadan-sempadan Mukim Bandar, Pekan dan Seksyen berubah sama ada akibat dari pewujudan sempadan baru atau perubahan kawasan, siri nombor lot baru hendaklah diperuntukkan.

**61. Penomboran pelan-pelan.**

- (1) Siri nombor yang berbeza hendaklah diperuntukkan bagi Pelan Akui, Pelan Warta, Pelan Kawalan Ukur Kadaster dan Pelan Pelbagai.
- (2) Penomboran hendaklah menurut susunan siri menaik.
- (3) Sesuatu nombor yang telah dikeluarkan tidak boleh digunakan lagi.

**62. Nombor jilid kiraan.**

- (1) Satu siri nombor jilid kiraan sahaja hendaklah diperuntukkan bagi setiap Negeri.
- (2) Setiap folio jilid kiraan hendaklah dinomborkan menurut susunan siri menaik.

- (3) Sesuatu nombor jilid kiraan yang telah dikeluarkan tidak boleh digunakan lagi.

**63. Nombor media storan.**

- (1) Satu siri nombor media storan sahaja hendaklah diperuntukkan bagi setiap Negeri.
- (2) Nombor media storan hendaklah dikeluarkan menurut susunan siri menaik.
- (3) Sesuatu nombor media storan yang telah dikeluarkan tidak boleh digunakan lagi.

**64. Penomboran strata.**

Penomboran hendaklah mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Jabatan bagi maksud-maksud berikut:

- (a) bangunan;
- (b) blok sementara;
- (c) tingkat;
- (d) tingkat bawah tanah;
- (e) tingkat mezanin;
- (f) petak;
- (g) petak aksesori;
- (h) skim; dan
- (i) Pelan Akui Strata.

**65. Penomboran stratum.**

- (1) Hanya satu siri nombor lot stratum hendaklah diperuntukkan bagi setiap Daerah atau Jajahan.

- (2) Tanda aras yang sah serta nombornya yang dikeluarkan oleh Jabatan hendaklah digunakan.
- (3) Siri nombor bagi Pelan Akui Stratum hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan.

**BAB VII**  
**PENANDAAN SEMPADAN**

**66. Penandaan sempadan.**

- (1) Setiap tanda sempadan hendaklah ditanam sebelum atau semasa ukuran dijalankan dengan menggunakan tanda-tanda sempadan yang ditetapkan oleh Jabatan.
- (2)
  - (a) Tanda sempadan hendaklah ditanam dengan kemas di dalam tanah dan bahagian atasnya berada pada ketinggian yang sesuai di atas permukaan tanah.
  - (b) Penandaan sempadan di atas permukaan keras seperti batu atau konkrit hendaklah dibuat dengan jelas, secara kekal.
- (3)
  - (a) Tanda-tanda sempadan perantaraan hendaklah ditanam di atas garisan antara dua tanda sempadan penghujung.
  - (b) Jika satu tanda sempadan baru perlu ditanam di atas garisan sempadan lama di mana tanda sempadan penghujungnya tidak dijumpai atau berganjak, tanda sempadan penghujung tersebut hendaklah diganti atau ditanam pastian terlebih dahulu sebelum tanda sempadan baru ditanam.
  - (c) Jika satu tanda sempadan baru perlu ditanam secara tidak langsung di atas garisan sempadan lama, tanda sempadan baru berkenaan hendaklah dibuktikan berada di atas garisan tersebut.
- (4) Jika titik sempadan berada di kedudukan yang tidak boleh ditandakan, maka kaedah tiada tanda hendaklah ditentukan seperti berikut:
  - (a) tanda-tanda rujukan kekal hendaklah ditanam bagi memudahkan kedudukan titik sempadan yang sebenar ditentukan; dan
  - (b) tanda-tanda rujukan kekal hendaklah ditanam di atas persilangan sempadan-sempadan berkenaan, seberapa hampir kepada butiran menghalang.

**67. Jenis-jenis tanda sempadan.**

- (1) Tanda-tanda sempadan yang dibenarkan adalah—
  - (a) tanda konkrit, tiang konkrit, batu granit dan paip besi mengikut saiz yang ditetapkan oleh Jabatan;
  - (b) paku dan pepaku besi dalam konkrit;
  - (c) tanda lubang dengan satu anak panah dipahat menunjuk ke arah lubang tersebut bagi titik sempadan di atas permukaan batu; dan
  - (d) sebarang tanda lain yang dibenarkan oleh Jabatan, melalui ketetapan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- (2) Singkatan dan simbol yang digunakan bagi tanda-tanda sempadan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan.

**68. Tanda sempadan bernombor.**

- (1) Setiap negeri hendaklah menggunakan nombor siri masing-masing.
- (2) Juruukur Tanah Berlesen hendaklah menggunakan nombor yang dibekalkan oleh Jabatan.
- (3) Satu tanda sempadan bernombor hendaklah digunakan bagi setiap enam tanda sempadan yang tidak bernombor dalam pengukuran tanah desa.

**69. Kekekalan kedudukan tanda sempadan.**

- (1) Sebarang tanda sempadan yang dijumpai tertanam hendaklah dianggap dalam kedudukan asal kecuali ada sebab-sebab yang membawa syak bahawa tanda sempadan itu telah berganjak.

- (2) Bagi sesuatu tanda sempadan yang dijumpai condong, dasar tanda sempadan tersebut hendaklah dianggap berada pada kedudukan asal sehingga ia dibuktikan sebaliknya. Tanda tersebut hendaklah ditegakkan di atas dasarnya sebelum pengukuran atau cerapan dilakukan kepada atau darinya.

**70. Perbezaan nilai sempadan.**

Jika terdapat perbezaan di antara nilai sempadan di atas tanah dengan nilai di atas Pelan Akui, Pegawai Ukur atau Juruukur Tanah Berlesen hendaklah mendapatkan bukti lengkap bagi menentukan sama ada perbezaan itu disebabkan oleh pertindihan sempadan, anjakan tanda sempadan atau kecacatan dalam pengukuran terdahulu. Tindakan bersesuaian hendaklah selanjutnya diambil oleh Jabatan selaras dengan peruntukan peraturan 29 atau 49.

**BAB VIII**  
**ARAHAN PENTADBIRAN**

**71. Arahan pentadbiran.**

Dalam melaksanakan peraturan-peraturan ini, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan berhak dari semasa ke semasa membuat sebarang arahan atau pekeliling yang bersabit dengan amalan ukur kadaster.

**BAB IX**  
**PENGECUALIAN**

**72. Pengecualian.**

- (1) Tiada apa-apa dalam peraturan-peraturan ini yang boleh menjejaskan pelaksanaan ukuran sebelumnya atau apa-apa yang dilakukan di bawah mana-mana Peraturan Ukur terdahulu.
- (2) Pekeliling-pekeliiling yang ada dan tidak bercanggah dengan Peraturan ini akan terus terpakai sehingga pekeliiling yang lain dikeluarkan untuk menggantikannya.